

65 pelajar baru diterima masuk ke ITQSHHB

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Johar bin Haji Mohamad semasa menyampaikan ucapan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Januari. - Soramai 65 orang pelajar baru terdiri daripada 39 pelajar lelaki dan 26 pelajar perempuan telah diterima masuk ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi Peringkat Pengajian Menengah Sesi 1436 Hijrah / 2015 Masihi.

ITQSHHB yang berlangsung di Dewan Kuliah institut, di sini dihadiri oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Johar bin Haji Mohamad, selaku tetamu kehormat majlis.

Tetamu kehormat dalam ucapannya melahirkan rasa syukur dan berbangga dengan kejayaan berterusan ITQSHHB terutama dalam melahirkan lebih ramai Huffaz di negara ini, selain dapat menyaksikan beberapa perkembangan lain antaranya pelaksanaan pengajian Hafazan Al-Qur'an dan Qiraat di peringkat Diploma Kebangsaan.

Terangnya, ia bertujuan untuk melahirkan Huffaz yang pakar di dalam ilmu-ilmu Al-Qur'an, di samping pengajian di peringkat menengah yang telah dijalankan sejak penubuhan institut tersebut pada tahun 1993.

Dengan pelbagai pencapaian yang telah diraih ini, tambahnya, merka berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi melalui biasiswa Kerajaan Negara Brunei Darussalam seperti ke Ma'had Qiraat Shoubra, Republik Arab Mesir di Peringkat Takhassus dan Darul Quran JAKIM Malaysia, iaitu

program Diploma Tahfiz Al-Qur'an. Pemangku Setiausaha Tetap juga berharap dengan kemasukan para pelajar baru ini, ITQSHHB akan dapat meneruskan lagi usaha yang dijalankan dan terus berkembang, sekali gus dapat menyumbang secara berterusan kepada hasrat negara untuk menjadi sebuah Negara Zikir.

Sebagai seorang yang akan menghafaz Al-Qur'an, Awang Haji Johar turut mengingatkan para pelajar untuk harus mengetahui dan memiliki ciri-ciri seorang Huffaz yang cemerlang dan antara ciri-ciri tersebut adalah sentiasa mentaati Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengerjakan suruhan-Nya terutama sekali dengan menjaga sembahyang fardu dan menghindari segala laranganNya.

Selain daripada itu tegasnya, ciri-ciri seorang Huffaz yang cemerlang juga adalah memanfaatkan dan mentaati masa dengan baik terutama sekali masa yang dikhususkan bagi menghafaz Al-Qur'an, tidak mudah berputus asa dan bermalas-malas, serta merasa gelisah jika berjauhan dengan Al-Qur'an dan sering berdo'a memohon agar diberitahu dan dipermudahkan untuk menghafaz Al-Qur'an.

Beliau juga merasa yakin dengan usaha yang gigih daripada para pendidik di institut tersebut serta penglibatan secara langsung dan berterusan dari pihak ibu bapa serta



PEMANGKU Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Johar bin Haji Mohamad selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan cenderahati dan Mushaf Al-Quran kepada salah seorang pelajar baru.

penjaga, akan dapat melahirkan lebih ramai para Huffaz, tokoh agama serta ilmuwan dengan calak Al-Qur'an yang sangat tinggi nilainya kepada agama, negara dan bangsa.

Majlis scumpama ini diadakan sebagai acara kemuncak Program Minggu Ta'aruf (Orientasi) yang telah dijalankan selama enam hari bermula pada 12 Januari yang lalu dan berakhir dengan penyampaian cenderahati

dan Mushaf Al-Qur'an kepada para pelajar baru yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Atur cara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an yang dibacakan oleh Awangku Muhammad 'Ashim 'Afif bin Pengiran Ilaji Md. Zin dan bacaan Tafsir Al-Qur'an disampaikan oleh Awangku Mohamad Fahmi Aiman bin Pengiran Haji Abdul Fikeh, pelajar baru ITQSHHB.

Majlis turut mendengarkan bacaan Ikrar Pelajar daripada pelajar-pelajar baru institut berkenaan yang diketuai oleh Awang Mohammad Nuriman Shah bin Shahrulwardi, yang kemudiannya diikuti dengan penyerahan pelajar baru oleh wakil ibu bapa pelajar baru kepada Ketua Bahagian Jabatan Al-Qur'an ITQSHHB, Awang Haji Mohammad Aliman bin Haji Salim.

Antara aktiviti-aktiviti yang diselenggarakan pada sepanjang sesi orientasi tersebut ialah taklimat daripada Pemangku Pengetua ITQSHHB, taklimat kelas pengajian Al-Qur'an, taklimat dari pegawai kesecjahteraan, lawatan ke perpustakaan institut berkenaan, bacaan Surah Yaa Siin dan tahlil di Kubah Makam Diraja, kelas Al-Qur'an, aktiviti sukan serta sembahyang fardu berjemaah.



SERAMAI 39 pelajar lelaki diterima masuk ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi Peringkat Pengajian Menengah Sesi 1436H / 2015M.



SERAMAI 26 pelajar perempuan telah diterima masuk ke ITAQSHHB bagi Peringkat Pengajian Menengah Sesi 1436H / 2015M.

Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA 2014/2015

Oleh : Noorati Haji Abas
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Januari. - Barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2014 / 2015 diseru supaya dapat menggalas peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin pelajar yang berkualiti dan sekali gus

dapat menjadi penghubung erat dalam mengurus tabir universiti.

Dekan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Azme bin Haji Matali menyeru perkara itu semasa mengumumkan Majlis Pembubaran MPP UNISSA Sesi 2013

/ 2014 dan Pelantikan MPP UNISSA Sesi 2014 / 2015 di Dewan Auditorium UNISSA, di sini.

Beliau seterusnya berharap pengalaman kepimpinan MPP UNISSA Sesi 2013 / 2014 itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam meneliti kehidupan masa hadapan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad. Seramai tujuh pelajar terdiri daripada empat mahasiswa dan tiga mahasiswi berjaya dipilih untuk menjawat jawatan Tertinggi MPP UNISSA Sesi 2014 / 2015, iaitu Dayang Noradibah binti Ramlee, Awang Rajali bin Haji Ali, Dayang Hajah Rasyidah binti Haji Osman, Awangku Md. Ilyas bin Pengiran Haji Masri, Awang Al-Hadi bin Zainal Abidin, Dayang Umni Humaira binti Haji Kamis dan Awang Abdul Muiz bin Haji Kadir.

Majlis anjuran UNISSA melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar itu diselenggarakan dengan penyerahan tugas kepada Yang Di-Pertua MPP UNISSA Sesi 2014 / 2015, Awang Abdul Muiz dan disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis didahului dengan pengumuman pelantikan MPP UNISSA Sesi 2014 / 2015 dan pembubaran MPP UNISSA



PENOLONG Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Sesi 2013 / 2014.

Sementara, Yang Di-Pertua Pelajar, MPP UNISSA Sesi 2013 / 2014, Awang Arif Fakhruallah bin A. Ramlee menyatakan MPP adalah sebuah pertubuhan pelajar yang kepimpinannya dipilih melalui sistem demokrasi dengan proses pilihan raya.

Pertubuhan ini jelasnya, adalah satu badan induk yang ditubuhkan

secara rasmi pada 14 November 2007 bagi membantu Bahagian Hal Ehwal Pelajar dalam melaksanakan apa jua majlis atau aktiviti yang berkaitan dengan pelajar.

Beliau menambah MPP merupakan medium bagi para pelajar untuk menyuarakan suara pelajar bagi perkara yang berkaitan dengan kebijakan, kemaslahatan dan keperluan pelajar.



YANG Di-Pertua Pelajar, MPP UNISSA Sesi 2013 / 2014, Awang Arif Fakhruallah bin A. Ramlee menyerahkan tugas kepada Yang Di-Pertua MPP UNISSA Sesi 2014 / 2015, Awang Abdul Muiz bin Haji Kadir.